

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 19, 2019 9:55 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Audit Dalam MyRA Cadang Ruang Penambahbaikan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

19 MAC 2019 / 12 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: RIMC

AUDIT DALAM MyRA CADANG RUANG PENAMBAHBAIKAN



UUM ONLINE: Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia selaku Sekretariat bagi Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) telah menganjurkan Audit Dalam MyRA bagi Pencapaian 2018 di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Pusat Pengajian Pengkomputeran pada 12 Mac lalu.

MyRA merupakan instrumen penilaian yang dibangunkan secara komprehensif untuk menilai keupayaan penyelidikan dan prestasi semua Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

Bagi sesi penilaian MyRA untuk pencapaian tahun 2018, tujuh kriteria iaitu Seksyen B (Kualiti dan Kuantiti Penyelidik), C (Kualiti dan Kuantiti Penyelidikan), D (Kualiti dan Kuantiti Pasca Siswazah), E (Inovasi), F (Perkhidmatan Profesional dan Hadiah), G (Jaringan dan Jangkauan) dan H (Kemudahan Sokongan) telah dinilai dalam sesi audit tersebut.

Sesi audit tersebut dihadiri oleh tujuh orang juruaudit dalam iaitu Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar, Prof. Dr. Haslinda Ibrahim, Prof. Madya Dr. Zuaini Ishak, Prof. Madya Dr. Azizah Ahmad, Prof. Madya Dr. Mohd Kamal Mohd Nawawi, Prof. Madya Dr. Azham Hussain dan Prof. Madya Dr. Nooraini Yusoff; dan juga pembekal data daripada pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing mengikut seksyen yang dinilai.

Menurut Juruaudit bagi Seksyen C, Prof. Madya Dr. Azizah, data penyelidikan kali ini adalah lebih baik berbanding tahun sebelum ini, namun Universiti perlu merancang dan menambahbaik beberapa polisi.

“Perlu ada strategi supaya jumlah *principal investigator* dapat dipertingkatkan.

“Staf akademik juga perlu diingatkan supaya sentiasa mengemaskini data pencapaian penyelidikan/penerbitan serta anugerah/pengiktirafan di portal masing-masing supaya tiada data yang tertinggal untuk pelaporan MyRA,” ujarinya lagi.

Dalam ucapan penutup, Pengarah Institut Pengurusan Kualiti, Prof. Dr. Sany Sanuri selaku Ketua Juruaudit berkata pemahaman pembekal data terhadap glosari MyRA perlu sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

“Secara umumnya panel penilai merumuskan terdapat ruang penambahbaikan bagi data yang dibekalkan sebelum data sebenar dihantar kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Antara cadangan lain untuk meningkatkan data yang dikemukakan bagi seksyen F ialah inisiatif untuk menambahkan koleksi buku dengan mendapatkan sumbangan buku terpakai daripada Pensyarah.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Tugas-tugas Khas) RIMC, Dr. Mohd. Faizal Omar berharap supaya prestasi UUM pada tahun 2018 lebih baik daripada pencapaian sebelum ini.

Menurutnya lagi, sebelum ini UUM telah berjaya memperoleh penarafan empat bintang pada penilaian MyRA tahun 2016.

“Kecemerlangan MyRA melibatkan kerjasama semua pihak di institusi adalah perlu bagi penambahbaikan ekosistem,” tambahnya.

MyRA penting sebagai penanda aras dari sumbangan penyelidikan berilmiah dan ilmu pengetahuan yang baharu, di samping terus melahirkan graduan yang berkualiti tinggi hasil daripada ekosistem penyelidikan yang berdaya saing.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.